



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **143 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **7,311 kes** (86.57 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 13 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **43 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,445 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,014 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 43 kes baharu yang dilaporkan, 5 kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar negara** melibatkan empat (4) warganegara Malaysia dan satu (1) bukan

warganegara yang merupakan pemastautin tetap. Daripada 38 kes **penularan di dalam negara**, 23 kes adalah bukan warganegara manakala 15 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Bagi kes jangkitan dalam negara (23 kes) di kalangan **bukan warganegara** adalah seperti berikut:

- Sebanyak 21 kes telah dikesan dalam kalangan penghuni Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil yang telah dipindahkan ke Akademi Imigresen Malaysia (AIM) di Port Dickson, Negeri Sembilan;
- Satu (1) kes saringan di Pasar Pemborong Sayur, oleh Pejabat Kesihatan Penampang, Sabah;
- Satu (1) kes saringan pekerja ladang warga asing di Temerloh, Pahang.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (15 kes) pula adalah seperti berikut:

- Satu (1) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu surveilan kes *Influenza Like Illness* (ILI) di sebuah Klinik Kesihatan sentinel;
- Selangor – empat (4) kes:
 - Dua (2) kes saringan di dua (2) buah pusat tahfiz;
 - Dua (2) kes saringan pasukan barisan hadapan (bukan petugas kesihatan) di Sabak Bernam;
- Negeri Sembilan – lima (5) kes:
 - Tiga (3) kes saringan pusat tahfiz di tiga (3) buah pusat tahfiz;

- Satu (1) kes saringan penjawat awam di Seremban yang bercadang untuk pulang ke Sabah;
- Satu (1) kes saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 (kes ke-7756) di Negeri Sembilan. Kontak berlaku semasa aktiviti kunjung-mengunjungi pada hari raya pertama yang lalu;
- Sabah – satu (1) kes:
 - Satu (1) kes kematian di dalam komuniti yang dibawa ke hospital (kes kematian ke-120 seperti yang akan diperincikan di bawah);
- Pahang – satu (1) kes:
 - Satu (1) kes saringan dalam komuniti di Temerloh;
- Perak – satu (1) kes:
 - Satu (1) kes saringan pusat tahfiz;
- Melaka – dua (2) kes:
 - Satu (1) kes saringan pusat jagaan warga emas di Melaka Tengah;
 - Satu (1) kes saringan pusat tahfiz.

Sehingga kini, sebanyak empat (4) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **120 kes** (1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-120 (kes ke-8403) merupakan perempuan warganegara Malaysia berumur 96 tahun. Beliau telah meninggal dunia pada 12 Jun 2020 di rumah beliau dan jenazah beliau dibawa ke Hospital Queen Elizabeth, Sabah. Saringan ujian COVID-19 didapati positif. Punca jangkitan bagi kes ini masih dalam siasatan.

KKM mengucapkan takziah kepada keluarga beliau.

SARINGAN COVID-19 DI KALANGAN PENGEMBARA PULANG KE MALAYSIA

Bagi pengembara pulang dari luar negara, saringan gejala dan pengambilan sampel bagi COVID-19 akan dijalankan di pintu masuk antarabangsa. Pengembara-pengembara ini akan diberikan beberapa arahan seperti berikut :

- i. Surat arahan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah;
- ii. Pemakaian gelang tangan (*wristband*) selama tempoh perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah;
- iii. Borang *Home Assessment Tool*;
- iv. Memastikan pengembara memuat turun aplikasi MySejahtera.

Arahan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah ini adalah arahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) di mana sekiranya individu berkenaan didapati melanggar arahan, mereka boleh disabit dengan hukuman di bawah Seksyen 24 Akta 342.

Gelang tangan (*wristband*) akan dipakaikan kepada pengembara ini sebelum mereka pulang ke rumah masing-masing. Gelang tangan ini perlu dipakai sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian di rumah. Sekiranya gelang tangan tersebut ditanggalkan sebelum tamat pemerhatian tamat, individu tersebut akan dikenakan tindakan. Gelang ini akan ditanggalkan oleh pegawai yang diberi kuasa selepas tempoh pengawasan dan pemerhatian.

Pihak KKM juga ingin mengingatkan orang awam yang telah diletakkan di bawah arahan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah untuk sentiasa mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh KKM iaitu:

- Kekal berada di dalam rumah sepanjang tempoh yang ditetapkan
- Mengasingkan diri daripada ahli keluarga yang lain bagi mengelakkan ahli keluarga terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19;
- Sentiasa mengamalkan penjagaan kesihatan diri yang baik seperti membasuh tangan dengan air atau sabun, atau menggunakan *hand sanitizer*;
- Pastikan anda tidak berkongsi peralatan peribadi dengan ahli keluarga yang lain.

Ahli keluarga bagi individu yang menjalankan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah ini juga memainkan peranan yang penting dengan sentiasa mengingatkan individu berkenaan mematuhi arahan yang telah ditetapkan. Tanggungjawab individu dan ahli

keluarga berkenaan adalah sangat penting kepada masyarakat bagi mengelakkan penularan COVID-19 ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Orang awam secara amnya juga sentiasa diingatkan untuk sentiasa mengamalkan nasihat kesihatan yang kerap kali diingatkan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;

- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

13 Jun 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 13 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	1	257
SELANGOR	7 (3)	1,994
NEGERI SEMBILAN	26	957
MELAKA	2	252
JOHOR	2 (2)	680
PAHANG	2	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	2	358
SARAWAK	0	556
W.P. KUALA LUMPUR	1	2,410
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	43 (5)	8,445

*() adalah merujuk kepada kes-kes import